

Pengundi Kajang diminta pilih Adun berasal dari Selangor

Malaysian Insider

Feb 24, 2014

OLEH The Malaysia Insider

Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal menasihati pengundi di Kajang supaya memilih ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) berasal dari Selangor pada pilihan raya kecil kawasan itu 23 Mac ini.

Beliau berkata pengundi perlu melihat secara realiti sama ada berkehendakkan wakil rakyat yang sentiasa ada bila hendak mengadu atau seseorang yang mempunyai banyak masalah sendiri untuk diselesaikan.

Katanya, calon Barisan Nasional (BN) Datin Paduka Chew Mei Fun yang berasal dari Selangor mampu melakukan tugas dengan baik berbanding calon pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memegang banyak jawatan iaitu Ketua Pembangkang, Ketua Umum PKR dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang.

"Kita yakin Datin Paduka Chew Mei Fun sebagai calon Barisan Nasional bagi kerusi tersebut boleh memberi tumpuan kerana beliau memang berasal dari Selangor.

"Berbanding dengan calon pembangkang (Anwar) yang banyak sangat jawatan, nanti lari ke Permatang Pauh lepas itu ke Kajang pula, jadi macam mana dia nak jaga Kajang," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat penyelarasan dengan Exco-Exco Luar Bandar di Putrajaya hari ini.

Mohd Shafie berkata Chew yang merupakan naib presiden MCA juga mempunyai pengalaman luas iaitu sebagai bekas ahli Parlimen Petaling Jaya Utara dan seorang yang mesra rakyat.

Mengenai cabaran pada pilihan raya kecil itu nanti, beliau berkata jentera komponen BN harus berfikiran positif dari segi gerak kerja dan jangan melakukan pembaziran.

"Apa yang penting jentera komponen BN perlu ada koordinasi serta perpaduan untuk memenangi pilihan raya ini," katanya.

Kerusi Dewan Undangan Negeri Kajang kosong selepas penyandanginya Lee Chin Cheh daripada PKR meletak jawatan pada 27 Januari lepas bagi memberi laluan kepada Anwar bertanding di kerusi itu.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 11 Mac depan sebagai hari penamaan calon dan pengundian 23 Mac. Chew dijangka berdepan Anwar dan bekas presiden Kita Datuk Seri Zaid Ibrahim.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pengundi-kajang-diminta-pilih-adun-berasal-dari-selangor>

